

## **Analisis Epistemologi Islam Liberal Dalam Konteks Malaysia Menurut Ahli Sunnah Wal Jama'Ah**

**Halimi Mohd Khalid<sup>1\*</sup>, Muhammad Rashidi Wahab<sup>2</sup>, Shakila Ahmad<sup>3</sup>, Mutapahayuddin Abdul Khalim<sup>4</sup>**

<sup>1, 3, 4</sup> Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA  
<sup>2</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin

\*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2022.03.02.021>

Received 20 November 2022; Accepted 10 December 2022; Available online 31 December 2022

**Abstrak:** Liberalisme adalah sebuah ideologi moden yang menjadi pegangan, falsafah hidup dan gerakan di Barat yang mengutamakan kebebasan mutlak sebagai matlamat utama kehidupan. Atas beberapa faktor, liberalisme dan lain-lain ideologi moden berkembang masuk ke dalam dunia Islam. Rentetan itu, kemunculan fahaman Islam Liberal menyebabkan umat Islam terpaksa berhadapan dengan ancaman pemikiran yang dahsyat sehingga boleh membawa kerosakan kepada akidah. Masalah ini turut berlaku di Malaysia apabila terdapat sebilangan umat Islam yang mula terpegaruh dengan fahaman Islam Liberal telah membawa pelbagai isu dalam usaha memperjuangkan agenda liberalisme. Justeru, berdasarkan metode analisis kandungan dokumen, artikel ini membahaskan epistemologi Islam Liberal dalam konteks di Malaysia yang menjadi asas kepada pemikiran dan perjuangan mereka. Bagi mendapatkan kefahaman yang lebih menyeluruh, artikel turut menyoroti konsep serta sejarah liberalisme dalam dunia Barat. Hasil penelitian mendapati bahawa epistemologi Islam Liberal adalah berasaskan kepada akal yang bebas semata-mata sebagai sumber ilmu. Pegangan ini menjadikan golongan Muslim Liberal mengemukakan pelbagai pemikiran dan tindakan yang menyeleweng dari agama Islam berteraskan Ahli Sunnah wal Jama'ah, kerana mengetepikan sumber ilmu utama daripada al-Quran dan hadis serta huraianya daripada para ulama. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam mendepani ancaman Islam Liberal di Malaysia pada masa kini supaya akidah umat Islam terus terpelihara.

**Kata Kunci:** Liberalisme, Islam Liberal, Epistemologi, Ahli Sunnah Wal Jama'Ah, Malaysia

## 1. Pendahuluan

Epistemologi yang merupakan salah satu bahagian utama dalam perbincangan falsafah, adalah merujuk kepada penelitian atau kajian kritis tentang kesahihan, kaedah dan skop atau kandungan sesuatu ilmu [9]. Dalam bahasa Arab, epistemologi disebut sebagai nazariyyah al-ma'rifah yang bermaksud teori ilmu pengetahuan. Sekalipun disiplin ilmu ini dikatakan bermula di Barat pada zaman Renaissance, tetapi elemen-elemen epistemologi telah dibincangkan lebih awal dalam wacana pengajian Islam. Contohnya, al-Ash'ari (m. 330H/941M) selaku tokoh utama Ahli Sunnah wal Jama'ah membentangkan tiga sumber ilmu bagi mencapai kebenaran iaitu al-hissi, al-akhbar al-mutawatir dan al-nazar. Daripada ketiga-tiga sumber ilmu ini berkembang pelbagai perbincangan lain termasuklah kerangka atau prinsip-prinsip akidah [5].

Memandangkan epistemologi adalah perkara yang penting, ramai sarjana mengambil ruang mengkajinya dari dimensi atau aspek tertentu. Namun artikel ini hanya akan memfokuskan kepada epistemologi dan ciri-ciri Islam Liberal sahaja dalam konteks Malaysia. Pemilihan liberalisme dilihat bertepatan dengan ancaman besar berbentuk serangan pemikiran yang sedang dihadapi oleh umat Islam pada zaman pascamoden kini. Para sarjana Muslim perlu bergerak aktif dalam memberikan jawapan dan kritikan balas terhadap setiap kekeliruan yang dikemukakan oleh mereka. Bagi mencapai matlamat itu, artikel ini akan menjelaskan dan menganalisis terhadap epistemologi Islam Liberal berdasarkan Ahli Sunnah wal Jama'ah, khususnya daripada aliran Asha'irah dan Maturidiyyah. Sebagai permulaan, artikel terlebih dahulu menjelaskan tentang sejarah dan pengertian liberalisme.

## 2. Konsep Liberalisme dalam Dunia Barat

Gerakan reformasi yang berlaku di Eropah pada kurun ke-16 hingga ke-18 Masihi telah mencetuskan kelahiran pelbagai aliran pemikiran falsafah seperti sekularisme dan humanisme, termasuklah liberalisme. Tempoh masa tersebut dikenali sebagai zaman Renaissance dan seterusnya disusuli oleh zaman Enlightenment. Gerakan ini merupakan manifestasi daripada perjuangan terhadap pembebasan pemikiran, intelektual dan penindasan secara besar-besaran yang berlaku di Barat. Ia dipengaruhi oleh beberapa keadaan sejarah dan situasi semasa di Barat pada ketika itu, antaranya berkaitan politik dan kekuasaan pemerintahan, pengaruh aristokrasi, revolusi industri dan faktor keagamaan. Pada awalnya gerakan reformasi ini bermula di Jerman, Perancis dan Britain, kemudian menular ke seluruh Eropah, termasuklah Russia dan Scandinavia [9].

Secara umumnya, idea liberalisme memiliki tiga perkara utama iaitu kehidupan, kebebasan dan hak pemilikan harta. Daripadanya berkembang ciri-ciri lain merangkumi: a) Kebebasan dan kesaksamaan mutlak dalam mentafsir kehidupan. Manusia adalah pencipta dan penentu mutlak setiap perkara yang seolahnya berperanan sebagai tuhan. Ciri ini menjadi penerus kepada ideologi sekularisme yang memisahkan manusia dengan tuhan [1]. b) Menerima pendapat orang lain secara adil. c) Pemerintahan dengan persetujuan rakyat. d) Menjalankan undang-undang the rule of law. e) Negara hanya alat atau instrumen. f) Fahaman liberalisme tidak menerima ajaran dogmatisme (agama), disebabkan oleh pandangan falsafah John Locke (1632-1704) yang menyatakan bahawa semua pengetahuan berdasarkan pengalaman, dan kebenaran adalah bersifat nisbi [13].

Bertitik tolak dari latar belakang tersebut, kemunculan liberalisme agama dikaitkan dengan pertembungan yang berlaku dalam masyarakat Barat dengan sistem atau autoriti daripada kerajaan dan pihak berkuasa agama Kristian. Gereja atau paderi dikatakan telah melakukan penyelewengan, penindasan dan penyalahgunaan kuasa sehingga merosakkan nama agama Kristian, dengan disokong oleh kerajaan. Maka sebuah gerakan yang dipimpin oleh beberapa tokoh dilancarkan bagi menentang gereja. Gerakan ini bertujuan untuk menolak serta menghapuskan autoriti dan kekuasaan gereja yang telah mengongkong dan menyekat kehidupan penganut Kristian sehingga menyebabkan Barat menjadi

mundur [12]. Kejayaan membebaskan diri daripada cengkaman gereja telah membuka lembaran baru kepada Barat terhadap wacana liberalisme agama.

Dalam ertikata lain, liberalisme lahir sebagai tindak balas terhadap pemerintahan kuku besi serta kejam, feudalisme dan teokrasi yang telah memberikan pengalaman pahit kepada masyarakat di Barat. Dari segi politik pula, rakyat bawahan telah berjaya mewujudkan sistem demokrasi dan menjatuhkan hak ketuhanan para raja yang menindas. Ia turut ditandai dengan permusuhan yang sangat ketara antara manusia dengan agama Kristian. Meskipun permusuhan yang berlaku di Barat adalah merujuk kepada permusuhan dengan pihak gereja, tetapi permusuhan itu telah digeneralisasikan kepada agama-agama lain termasuklah Islam apabila idea liberalisme berkembang ke tempat lain [15]. Dari sudut etimologi, perkataan liberal berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud bebas, tidak terikat, progresif dan reformis atau radikal [17].

Walau bagaimanapun, pada zaman Renaissance, liberal merujuk kepada kebebasan daripada sebarang kekangan dalam pengucapan dan tindakan. Sedangkan pada zaman Enlightenment, liberal merujuk kepada kebebasan daripada sikap prejudis, jumud dan taasub, serta seruan ke arah toleransi. Sebagai sebuah fahaman atau aliran, menurut Guido de Ruggiero (1959), liberalisme memberikan maksud tentang hak kebebasan mutlak individu untuk manusia melakukan atau bertindak terhadap sesuatu perkara tanpa sebarang paksaan dan sekatan. Manakala Leonard Trelawny Hobhouse (1911) menjelaskan bahawa liberalisme merupakan ciri utama yang terdapat dalam dunia moden. Beliau juga menyatakan bahawa liberalisme adalah kepercayaan bahawa masyarakat dapat diasaskan dengan aman dan damai melalui kekuatan keperibadian dalam membina komuniti masyarakat yang sejati.

Menurut Encyclopaedia Britannica (1994), liberalisme adalah falsafah hidup yang mengutamakan kebebasan akal sebagai matlamat utama kehidupan. Ideologi ini akan mendorong manusia ke arah pembebasan diri daripada sebarang kawalan moral, yang mengakibatkan berlaku kelunturan dan kecairan terhadap ketegasan memelihara agama yang mengatur kehidupan setiap manusia serta masyarakat. Namun dalam konteks sosial-budaya sekarang, seorang yang liberal merujuk kepada individu atau seseorang yang meraikan, menerima dan bersikap terbuka terhadap kepelbagaian kepercayaan dan sikap. Manakala dalam konteks politik, sebuah parti yang liberal ialah yang memperjuangkan ke arah kebebasan individu dan pembangunan ke arah pengagihan kekayaan negara dan kuasa yang lebih adil dalam kalangan masyarakat.

Dari sudut perbahasan ekonomi pula, selaras dengan sejarah liberalisme, ia membawa maksud fahaman atau pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi tanpa kongkongan kerajaan [6]. Sebagai rumusannya, keberagaman pengertian dan penggunaan perkataan liberal dalam kehidupan masa kini telah memberikan isyarat bahawa aliran pemikiran moden tersebut telah berjaya meletakkan dan mengembangkan ideologi mereka dalam keadaan yang selesa di seluruh dunia, termasuklah di Malaysia. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya memfokuskan kepada aspek epistemologi liberalisme yang mempunyai kaitan dengan agama Islam sahaja iaitu dikenali sebagai Islam Liberal. Aspek-aspek lain yang tidak berkaitan dengan tajuk artikel, tanpa menafikan kepentingannya, adalah terkeluar dari perbahasan ini.

### **3. Epistemologi dan Ciri-ciri Islam Liberal**

Kemunculan Islam Liberal adalah kesinambungan daripada falsafah dan gerakan liberalisme di Barat. Istilah Islam Liberal pertama kali digunakan oleh Leonard Binder dalam bukunya *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies* (1988) dan diteruskan oleh Charles Kuzman dalam bukunya *Liberal Islam: A Source Book* (1998). Walaupun istilah Islam Liberal ini baru sahaja diperkenalkan, namun idea liberalisme telah masuk ke dalam dunia Islam lebih awal. Kemasukan tersebut antaranya disebabkan oleh faktor perdagangan dan penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam. Namun secara lebih meluas, ia bermula pada zaman kejatuhan Turki Uthamiyyah. Pada ketika

itu, dunia Barat dilihat lebih maju berbanding dunia Islam. Maka sekumpulan umat Islam yang terpengaruh dengan Barat telah berusaha membawa pembaharuan mengajak umat Islam kepada gerakan modenisme.

Keadaan ini membolehkan liberalisme dan pelbagai ideologi Barat yang lain mula diimport masuk ke dalam dunia Islam. Maka sebagai sebuah ideologi berkaitan agama, Islam Liberal difahami sebagai sebuah fahaman atau doktrin yang berpegang dengan pemahaman semula wahyu berdasarkan paradigma liberalisme dalam melihat kehidupan semasa [24]. Pembebasan daripada autoriti dalam memahami wahyu, dengan mengutamakan akal sebagai sumber ilmu, menjadi tunjang pembentukan epistemologi Islam Liberal. Dalam hal ini, menurut Charles Kurzman (1998), Islam Liberal mempunyai enam gagasan atau tema iaitu; melawan teokrasi dalam mendirikan negara Islam, mendukung gagasan demokrasi liberal, membela hak-hak wanita, membela hak-hak minoriti non-Muslim, memperjuangkan kebebasan berfikir, dan membela gagasan kemajuan.

Manakala Khalif Muammar (2009) pula menyatakan bahawa Islam Liberal mempunyai ciri-ciri atau asas pemikiran berikut; membawa idea sekularisme, dualisme dan dikotomi, kebebasan berijtihad dan menolak autoriti agama, mempromosi konsep pluralisme agama, penolakan terhadap syariah Islam, dan menyokong wacana keserataan gender. Semua ciri-ciri yang dikemukakan tersebut, sekalipun berbeza mengikut perspektif masing-masing, ia tidak terkeluar daripada ciri-ciri liberalisme agama di Barat. Antara unsur utama liberalisme ialah berpegang dengan; sekularisme, orientalisme, kebebasan mutlak manusia, rasionalisme, demokrasi liberal, feminisme, hermeneutik, dan pluralisme agama [2]. Unsur-unsur inilah yang membentuk epistemologi Islam Liberal dengan ditafsirkan semula wahyu dan disesuaikan dengan agama Islam.

Oleh itu, menurut Ahmad Yumni & Che Zarrina (2019) dalam buku bertajuk *Islam Liberal: Kajian terhadap Sumber Epistemologi*, menyatakan bahawa Islam Liberal mempunyai beberapa prinsip sebagai dasar epistemologinya iaitu:

1. Membuka pintu ijtihad pada semua dimensi, sama ada dalam aspek mu'amalat (interaksi sosial), 'ubudiyyat (ritual) dan ilahiyyat (teologi). Matlamatnya supaya umat Islam boleh terus menyesuaikan diri dengan perubahan zaman.
2. Mengutamakan semangat beragama dalam membuat penafsiran terhadap Islam, dan bukan berdasarkan makna literal teks al-Quran dan hadis. Penafsiran dalam konteks semasa akan menjadikan Islam berkembang secara kreatif dan bersifat universal.
3. Mempercayai kebenaran yang relatif, terbuka dan plural, kerana kerja penafsiran adalah kegiatan manusiawi yang terdedah kepada konteks semasa. Maka setiap orang mempunyai sudut pandang yang berbeza dalam mencapai kebenaran.
4. Memihak kepada golongan minoriti yang tertindas dan dipinggirkan dalam struktur sosial-politik, tanpa mengira agama, bangsa atau etnik, gender dan kedudukan, yang mengamalkan ketidakadilan. Perkara ini bertentangan dengan semangat Islam.
5. Meyakini kebebasan beragama, kerana ia adalah hak mutlak seseorang individu yang mesti dihormati dan dilindungi. Atas dasar ini, tidak boleh menginjayai atau memaksa seseorang itu untuk menerima sesuatu pendapat atau kepercayaan.
6. Memisahkan autoriti duniawi dan ukhrawi serta autoriti keagamaan dan politik. Atas dasar ini, sistem negara agama (teokrasi) mesti ditolak kerana ia telah melanggar ruang peribadi (privacy) manusia yang perlu bebas dari sebarang kongkongan.

Menurut Ahmad Yumni & Che Zarrina (2009) lagi, pembentukan pemikiran Islam Liberal di atas adalah disebabkan oleh sumber utama epistemologi liberalisme ialah akal. Dalam sejarah Islam, golongan Muktazilah merupakan aliran terawal yang mengutamakan peranan akal sehingga berlaku percanggahan dengan wahyu. Bagi tokoh Muslim Liberal, menghidupkan kembali ilmu rasional akan mengeluarkan manusia daripada kejumudan dan kemunduran akal fikiran. Banyak persoalan agama perlu kepada akal seperti manusia dapat mengetahui baik dan buruk sesuatu perkara adalah dengan akal. Maka manusia perlu diberikan kebebasan yang seluasnya dalam berfikir untuk mencapai kebenaran, termasuklah dalam menafsirkan teks-teks wahyu. Perkara ini dilihat bertepatan dengan sifat keterbukaan Islam, malah selari dengan dalil al-Quran dan hadis tentang akal.

Jika diteliti lebih mendalam, pegangan liberalisme terhadap akal sebagai sumber ilmu utama adalah dipengaruhi oleh falsafah Greek. Perkara ini tidak menghairankan kerana tokoh-tokoh intelektual yang membangunkan tamadun Barat sememangnya menjadikan falsafah Greek sumber rujukan. Malah mereka percaya kemunculan ilmu pengetahuan bermula di Greek. Justeru, epistemologi Islam Liberal yang berasal daripada liberalisme Barat juga berdiri di atas dasar yang sama. Kesan daripada epistemologi liberalisme yang menjadikan akal sebagai prinsip tertinggi tersebut telah menyebabkan timbul pelbagai masalah yang bertentangan dengan agama Islam. Dunia Islam terpaksa berhadapan dengan bermacam isu yang dibawa oleh golongan Islam Liberal dalam menjayakan pemikiran mereka. Masalah ini turut berlaku di negara-negara rantau Nusantara, termasuklah Malaysia.

#### 4. Analisis terhadap Epistemologi Islam Liberal

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang berpegang teguh dengan Ahli Sunnah wal Jama'ah. Secara umumnya, Ahli Sunnah wal Jama'ah bermaksud kumpulan umat Islam yang mengikuti jejak langkah dilalui Rasulullah SAW, serta para sahabat, dalam memahami dan mempraktikkan Islam merangkumi akidah, syariah dan tasawuf. Manakala pengertian Ahli Sunnah wal Jama'ah secara khususnya pula adalah merujuk kepada aliran atau kumpulan manakah yang termasuk dalam Ahli Sunnah wal Jama'ah. Secara lebih tepat, menurut al-Zabidi (1989), istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah secara mutlaknya adalah merujuk kepada aliran Asha'irah (pimpinan Imam al-Ash'ari) dan Maturidiyyah (pimpinan Imam al-Maturidi). Perkara ini turut diakui oleh para ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah sepanjang zaman [19].

Definisi khusus tersebut didapati selari dengan sejarah Ahli Sunnah wal Jama'ah sebagai sebuah istilah teknikal yang digunakan dalam perbincangan Ilmu Kalam, yang secara khusus dikaitkan dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah [4]. Disebabkan itu, penggunaan nama Ahli Sunnah wal Jama'ah lebih sinonim digunakan dalam aspek akidah, walaupun istilah ini kemudiannya telah diluaskan penggunaannya dalam aspek syariah dan tasawuf. Dalam konteks pegangan umat Islam di Malaysia, dari aspek akidah adalah berpegang dengan aliran Asha'irah, dari aspek syariah berpegang dengan mazhab Shafi'i dan dari aspek tasawuf berpegang dengan tokoh muktabar seperti al-Ghazali. Ketiga-tiga aliran Ahli Sunnah wal Jama'ah inilah yang menjadi asas epistemologi umat Islam di Malaysia dan juga di rantau Nusantara, sekaligus memperkukuhkan kedudukan agama Islam.

Menurut al-Baghdadi (T.th), prinsip pertama bagi Ahli Sunnah wal Jama'ah ialah mengisbatkan hakikat ilmu sama ada secara khusus atau umum. Prinsip tersebut merupakan asas terpenting kepada epistemologi Islam yang hanya menerima perkara benar sahaja. Perkara yang benar inilah yang disebutkan sebagai ilmu. Bagi mencapai kebenaran dan keyakinan, ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah aliran Asha'irah dan Maturidiyyah menetapkan tiga wahana utama sebagai sumber ilmu pengetahuan, sepertimana dinyatakan dalam pendahuluan, iaitu; *al-hissi*, *al-akhbar al-mutawatirat* dan *al-nazar*. Ketiga-tiga sumber ilmu ini kemudian dirumuskan sebagai dalil naqli dan dalil 'aqli, khususnya dalam perbincangan akidah. Secara ringkasnya, dalil naqli adalah merujuk kepada pembuktian daripada al-Quran dan hadis, dan dalil 'aqli adalah merujuk kepada penghujahan daripada logik akal.

Dalam hal ini, Ahli Sunnah wal Jama'ah menyatakan bahawa dalil naqli menjadi sumber utama dalam mengisbatkan akidah keimanan, dan dalil 'aqli menjadi penyokong kepada dalil naqli dalam memperoleh keyakinan berakidah. Kedua-dua dalil ini digunakan secara seimbang-sepadu dan saling berkait antara satu sama lain. Ini bermaksud, Ahli Sunnah wal Jama'ah khususnya Asha'irah menggunakan pendekatan wasatiyyah dalam akidah, tidak seperti aliran-aliran ekstrem yang lain. Sikap ini dapat dilihat antaranya aliran Mushabbihah atau Mujassimah dan Hashawiyyah yang hanya menerima dalil naqli dengan menolak peranan akal. Manakala aliran Mu'tazilah terlalu mengutamakan dalil 'aqli sehingga berlaku percanggahan dengan al-Quran dan hadis. Pendirian wasatiyyah ini menjadikan Ahli Sunnah wal Jama'ah berbeza dengan kedua-dua aliran tersebut dalam pelbagai persoalan.

Terdapat tiga bahagian utama dalam perbincangan akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah iaitu mengenai ketuhanan (al-ilahiyat), kenabian (al-nubuwwat) dan perkara-perkara ghaib (*al-sam'iyat*). Daripada ketiga-tiga ini, konsep ketuhanan merupakan perkara terpenting kerana ia bertujuan untuk mengenal Allah SWT berdasarkan kenyataan *awal al-din ma'rifah Allah*. Perkara ini kemudiannya dirumuskan oleh al-Sanusi (m. 895H/1490M) menjadi Sifat 20 iaitu sifat yang wajib bagi Allah SWT merangkumi sifat *nasfiyyah, salbiyyah, ma'ani* dan *ma'anawiyah*. Di samping itu, perbincangan Sifat 20 juga membincangkan sifat yang mustahil bagi Allah SWT [18]. Dalam konteks terkini, Sifat 20 berupaya mendepani penyelewengan pelbagai ideologi moden contohnya ateisme. Melalui sifat Wujud, pegangan Tuhan tidak wujud dapat dijawab [19].

Metodologi Ahli Sunnah wal Jama'ah jelas berbeza sama sekali dengan epistemologi Islam Liberal. Kritikan terpenting dalam topik ini adalah berpunca daripada sumber ilmu yang menjadi pegangan liberalisme adalah berasaskan akal semata-mata. Manusia mempunyai kebebasan mutlak dalam berfikir dan membuat keputusan sekalipun bertentangan dengan agama Islam. Dasar pegangan tersebut yang membentuk pemikiran dan ciri-ciri Islam Liberal sebagaimana yang dinyatakan di atas. Maka perkara ini berbeza dengan Ahli Sunnah wal Jama'ah, sekalipun menerima dalil 'aqli sebagai sumber ilmu, tetapi ia terikat dengan syarat dan kaedah tertentu berasaskan disiplin mantik. Ahli Sunnah wal Jama'ah tidak membiarkan atau memberikan kebebasan mutlak kepada akal dalam semua urusan agama, memandangkan al-Quran dan hadis juga lebih utama sebagai sumber ilmu.

Pada menghuraikan perkara ini, menurut Muhammad Rashidi & Mohd Faizul (2013), akal manusia mempunyai keterbatasan tertentu yang hanya berkemampuan menanggapi alam nyata pancaindera, sedangkan tidak bagi alam ghaib. Kekuatan akal fikiran terhad kepada menyatukan sesuatu gambaran, ingatan dan khayalan yang berada di hadapan mereka sahaja, bukan sesuatu hakikat di luar jangkauan pemikiran. Maka beberapa aspek akidah khususnya perihal ketuhanan hakikat zat Allah SWT, perkara sam'iyat meliputi persoalan kiamat, dosa, pahala, syurga, neraka dan lain-lain, serta hukum-hukum syariah seperti haram, halal, wajib, sunat dan lain-lain, atau perilaku akhlak madhmumah dan mahmudah, adalah termasuk dalam ketidakmampuan akal. Tiada ruang bagi akal membahaskannya melainkan sekadar untuk menguatkan atau menjelaskan hikmah-hikmah ketetapan tersebut.

Perlu ditekankan juga, Ahli Sunnah wal Jama'ah mempunyai disiplin yang ketat dalam menafsirkan al-Quran dan hadis. Hanya para ulama atau golongan pakar yang menguasai pelbagai bidang ilmu sahaja boleh melakukan penafsiran. Perkara ini berbeza dengan Islam Liberal yang tidak mempunyai metode jelas, bahkan mengambil kaedah hermeneutik Bible dalam menafsirkan al-Quran, serta menolak hadis secara halus. Bagi mereka, orang yang tidak berkelayakan juga dapat melakukan penafsiran asalnya berakal. Maka setiap orang boleh menggunakan akal mereka secara maksimum untuk berinteraksi dengan ayat-ayat al-Quran agar sesuai dengan tuntutan semasa. Disebabkan itu, timbul pelbagai pandangan dan huraian yang menyeleweng daripada golongan Muslim Liberal sehingga membawa kerosakan kepada syariat Islam yang sebenar [10].

Berdasarkan semua huraian di atas, dirumuskan bahawa kumpulan Islam Liberal begitu mengagungkan akal, bahkan melebihi Mu'tazilah, sekalipun mereka mendakwa mereka ingin

mengembalikan semula tradisi akal Mu'tazilah pada zaman kini (Neo-Mu'tazilah). Sikap tersebut jelas menunjukkan bahawa golongan Muslim Liberal membawa ekstremisme dari sudut pemikiran dalam dunia Islam, manakala penganas seperti ISIS (Islamic State of Iraq and Sham) pula membawa ekstremisme dari sudut perbuatan. Perkara ini jelas bertentangan dengan Ahli Sunnah wal Jama'ah yang bersifat wasatiyyah dalam semua perkara. Justeru, pemikiran yang dibawa oleh kumpulan Islam Liberal mesti ditolak oleh seluruh umat Islam. Langkah-langkah strategik perlu dikemukakan bagi mengekang penularan pemikiran Islam Liberal dalam masyarakat khususnya dalam konteks di Malaysia.

## 5. Kesan Epistemologi Islam Liberal di Malaysia

Penyebaran pelbagai ideologi menyeleweng ke dalam dunia Islam adalah agenda Barat bagi menghancurkan akidah dan pemikiran umat Islam. Sebagaimana dijelaskan di atas, agenda ini telah bermula sejak sekian lama lagi, dan pada hari ini ia didatangkan secara lebih kuat dan terancang. Ia antaranya disumbangkan oleh faktor dunia globalisasi tanpa sempadan pada era Revolusi Industri 4.0 internet of things kini yang menyebabkan setiap maklumat dapat disebar dengan cepat dan meluas. Kemudahan tersebut dimanfaatkan semaksimum yang mungkin oleh Barat bagi menyebarkan ideologi liberalisme ke seluruh dunia, khususnya dunia Islam. Pada masa yang sama, Barat membuat pelan strategik daripada pelbagai aspek dalam menyokong agenda ini seperti menyediakan peruntukan kewangan, latihan, memberikan idea serta buah fikiran, promosi melalui media dan sebagainya lagi.

Dalam hal ini, Malaysia merupakan antara negara Islam yang turut menjadi sasaran Barat pada masa kini. Agenda mereka bukan sahaja untuk merosakkan ajaran agama Islam, bahkan ia boleh membawa kepada ketidakstabilan politik serta sosial, menghakis nilai serta perpaduan rakyat dan mengancam keselamatan negara. Penelitian semasa menunjukkan bahawa golongan Islam Liberal turut didokong oleh non-Muslim yang anti Islam, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan juga ia berkembang melalui medan politik yang tidak cenderung kepada agenda Islam. Keadaan demikian menjadikan ancaman liberalisme di Malaysia semakin rumit untuk tangani oleh kerajaan dan pihak berkuasa agama. Menurut Muhammad Rashidi (2017), terdapat 10 bentuk ancaman dan agenda utama golongan liberal dalam konteks Malaysia hari ini hasil daripada epistemologi Islam Liberal, iaitu:

1. Golongan liberal berusaha menghapuskan kedaulatan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, iaitu dengan menafikan kedudukan agama Islam di Malaysia sebagai agama bagi Persekutuan (Perkara 3(1)). Tujuan mereka adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara sekular berasaskan demokrasi liberal yang tidak terikat langsung dengan peranan agama Islam.
2. Golongan liberal berusaha menghapuskan Mahkamah dan Undang-undang Syariah, dengan dakwaan bahawa ia adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, atau dengan dakwaan lain seperti Undang-undang Syariah tidak adil. Bahkan mereka cuba memperkecilkan peranan dan kedudukan Mahkamah Syariah dengan membantah perluasan bidang kuasa serta mencabar keputusan yang dikeluarkan di Mahkamah Sivik.
3. Golongan liberal berusaha memperjuangkan kebebasan berfikir dan bersuara secara mutlak melalui jalan hak asasi manusia, termasuklah dalam isu seks bebas atau LGBT (lesbian, gay, bisexual and transgender), kesamarataan gender (feminisme) dan lain-lain, walaupun bercanggah dengan Islam. Bagi mereka, kedudukan hak asasi manusia dalam Perlembagaan Persekutuan adalah lebih tinggi atau utama daripada agama Islam.
4. Golongan liberal berusaha memberikan imej buruk terhadap institusi Islam di Malaysia supaya ia dapat dihapuskan agar sesuai dengan konsep negara sekular, ataupun sekurang-kurangnya dapat menghakis kepercayaan umat Islam sendiri terhadap institusi Islam. Oleh itu, mereka sedaya-upaya

mengkritik dan menyerang institusi Islam dengan pelbagai dakwaan dan kenyataan yang tidak berasas bagi mencapai matlamat ini.

5. Golongan liberal berusaha meruntuhkan autoriti ilmu dengan memberikan persepsi buruk kepada agamawan dan ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah. Hal ini bertujuan agar mereka dapat memberikan tafsiran baru yang bebas serta menyeleweng terhadap agama Islam tanpa terikat dengan autoriti dan tradisi ilmu, antaranya dengan menggunakan tafsir hermeneutik terhadap al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum (*Quraniyyun*).

6. Golongan liberal berusaha membawa fahaman pluralisme agama agar kedudukan Islam sebagai agama yang paling benar dan diredai oleh Allah SWT dapat dilenyapkan. Melalui jalan toleransi agama, kedudukan agama Islam di Malaysia direndahkan setaraf dengan agama-agama lain sehingga boleh mengundang gejala murtad. Malah penggunaan perkataan suci umat Islam, seperti isu kalimah Allah oleh Kristian, adalah dibenarkan.

7. Golongan liberal berusaha mengadakan jaringan bersepadu dengan pelbagai pihak untuk menjayakan agenda liberalisme di Malaysia. Dengan tajaan kewangan yang banyak, pelbagai program disusun seperti penganjuran seminar atau wacana, penulisan buku atau artikel dan sebagainya lagi. Sebahagian program yang diadakan itu pula menggunakan jenama atau istilah Islam sehingga sebilangan Muslim terpedaya dengan mereka.

8. Golongan liberal berusaha menyebarkan liberalisme kepada golongan berpendidikan tinggi dan atasan yang memegang jawatan atau kedudukan penting dalam kerajaan dan korporat. Melalui mereka ini, agenda liberalisme dapat dijayakan dengan cepat dan berkesan. Malah golongan liberal juga berusaha mengeksploitasi golongan muda, antaranya melalui gerakan buku indie dan program jalaran yang berunsur kebebasan.

9. Golongan liberal berusaha menggunakan kuasa media secara besar-besaran, khususnya media baharu, bagi menyebarkan liberalisme di Malaysia. Kelihatan beberapa portal media telah dikuasai oleh mereka, sehingga menyebabkan fahaman liberalisme berkembang dengan pesat. Pada masa yang sama, media mereka cuba meracuni dan melaga-lagakan sesama umat Islam di Malaysia dengan menonjolkan pelbagai isu sensitif.

10. Golongan liberal berusaha melemahkan serta menghapuskan institusi kesultanan yang mengetuai agama Islam di Malaysia. Jika institusi kesultanan dapat dihapuskan, atau mereka berjaya menjadikan sultan/raja sekadar simbolik semata-mata, maka agenda liberalisme dapat dilaksanakan di Malaysia tanpa mampu dihalang lagi oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa agama. Ini antara matlamat terbesar golongan liberal.

Berdasarkan penjelasan di atas, epistemologi Islam Liberal dalam konteks Malaysia didapati terzahir melalui tuntutan dan provokasi terhadap isu-isu tertentu yang mempunyai kaitan dengan dasar atau ciri Islam Liberal. Keadaan ini sedikit berbeza dengan Indonesia yang mempunyai tokoh dan kumpulan Islam Liberal yang jelas seperti Jaringan Islam Liberal (JIL) dalam memperjuangkan agenda liberalisme. Manakala di Malaysia, kelihatan tiada individu yang benar-benar layak diangkat sebagai tokoh liberal. Kebanyakan mereka yang dikatakan tokoh sebenarnya adalah berstatus aktivis sekalipun mereka daripada kalangan golongan atasan dan ahli akademik. Mereka bergerak melalui platform Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang pelbagai bagi memperjuangkan agenda liberalisme di Malaysia. Perkara ini telah lama dijalankan oleh mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung.



## 6. Mendepani Penularan Pemikiran Islam Liberal

Sesungguhnya agama Islam yang suci tidak sama sekali menolak kemajuan atau kemodenan. Namun dalam keghairahan mengejar kemajuan, setiap aliran dan fahaman yang mendasari arus perubahan tersebut harus diteliti agar ianya dapat disaring dengan kerangka tasawwur, nilai dan prinsip-prinsip al-Quran dan hadis untuk memastikan akhirnya idea-idea pemodenan yang diusahakan akan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Islam dengan erti kata yang sebenar. Menurut Azizan Baharudin (2018), tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Islam sememangnya memerlukan kepada perubahan cara berfikir untuk mereka mampu bersaing dengan kemajuan yang dicapai oleh Barat dan kuasa-kuasa dunia yang lain. Namun ini tidak bermakna mereka harus atau perlu memperlekeh atau mengenyepikan tradisi silam Ahli Sunnah wal Jama'ah untuk mencapai matlamat tersebut.

Dalam hal ini, bukanlah kandungan pengajaran yang telah disediakan atau diberikan oleh ulama silam yang bermasalah, akan tetapi cara memahami dan kaedah pendidikan agama Islam masa kini yang perlu diperbaiki. Menerusi kertas kerja ini juga, Azizan Baharudin (2018) yang pada ketika itu merupakan Ketua Pengarang IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia) telah mengemukakan beberapa cadangan praktikal yang boleh dilakukan oleh kelompok ulama atau intelektual moden untuk saling bekerjasama melakukan kajian yang mendalam terhadap tradisi Islam. Kajian sebegini penting bagi membongkar kekuatan ilmiah yang dimiliki oleh Ahli Sunnah wal Jama'ah, dan seterusnya dapat menolak pelbagai aliran dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar termasuklah pemikiran Islam Liberal. Selain fatwa dan undang-undang, antara cadangan yang dikemukakan ialah:

1. Menerbitkan secara berkala dan konsisten bahan-bahan ilmiah yang memperkenalkan idea-idea besar ulama silam dan juga tokoh moden.
2. Menganjurkan seminar dan diskusi ilmu dalam membahaskan isu-isu penting berkaitan tradisi dan kemodenan dengan mengharmonikan antara keduanya.
3. Menganjurkan bengkel dan kursus untuk membaca dan menghurai teks-teks penting dalam tradisi Islam di dalam pelbagai bidang keagamaan.
4. Menggiatkan penyelidikan atau program yang menggalakkan tadabbur al-Quran dari sudut sains seperti yang telah dilaksanakan oleh IKIM.
5. Pendekatan tekno-daie dengan cara memanfaatkan penggunaan sains dan teknologi demi menyebarkan dakwah dan kefahaman mengenai Islam.

Selain itu, program pengkaderan yang melibatkan pelbagai golongan dan peringkat juga boleh dilihat sebagai salah satu metode bagi membantu usaha-usaha yang dijalankan untuk membendung penularan pemikiran Islam Liberal di Malaysia. Menurut satu kajian yang bertajuk *Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia*, pengkaderan anak muda merupakan salah satu daripada kaedah yang digunakan oleh gerakan liberal untuk menyebarkan dan memperkukuhkan fahaman mereka. Anak-anak muda telah diberikan latihan untuk mengadaptasi pemikiran ini melalui pelbagai aktiviti seperti seminar, bengkel, diskusi, pengagihan tugas, pendanaan, penerbitan, pendidikan dan pemantauan yang berterusan. Gerakan ini turut menggunakan para jurulatih yang profesional dari luar negara untuk mengendalikan sesi-sesi tersebut secara terancang.

Golongan muda ini turut ditawarkan dengan tawaran yang menarik seperti jawatan, mewakili NGO dalam seminar antarabangsa, menjadi felo penulis dan tawaran menyambung pengajian di universiti dalam bidang berkaitan kepentingan, sekaligus akan menjadi medium untuk berhubung dengan sarjana Barat yang terkemuka dan sealaran [23]. Justeru, metode pengkaderan ini juga dilihat boleh digunakan sebagai satu metode yang berkesan bagi generasi muda dalam mendepani pemikiran Islam Liberal. Ia disebabkan golongan muda atau belia merupakan tonggak dan penerus kepada generasi akan datang. Mereka memiliki keupayaan dan kekuatan diri segi mental dan fizikal untuk mengembangkan potensi

diri dengan lebih jauh serta memberikan impak yang positif terhadap perkembangan masyarakat dan negara jika dibentuk dalam acuan yang betul.

Pada masa yang sama, golongan belia ini juga merupakan golongan yang mudah terdedah dan terpengaruh dengan anasir-anasir luar dan unsur-unsur negatif yang mampu mengancam menggugat pegangan akidah, syariah dan akhlak. Corak kehidupan zaman moden yang menawarkan slogan kehidupan berasaskan kebebasan tanpa sempadan akhirnya akan mengundang kepada kemusnahan jika tidak dikawal sedari awal lagi. Oleh itu, pelan perancangan yang strategik dan sistematik perlu disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi merealisasikan pengkaderan dan idea-idea yang lain bagi mengekang penularan pemikiran Islam Liberal dalam kalangan umat Islam. Ia juga penting bertujuan untuk terus memperkukuhkan kedudukan agama Islam khususnya di Malaysia pada masa kini dan masa akan datang daripada ancaman Islam Liberal tersebut.

## 7. Kesimpulan

Liberalisme adalah sebuah ideologi yang menjadi pegangan, falsafah hidup dan gerakan di Barat dengan menjulang tinggi idea kebebasan mutlak sebagai matlamat utama kehidupan. Ideologi ini kemudian berkembang masuk ke dalam dunia Islam sebagai Islam Liberal yang bermaksud sebuah fahaman atau doktrin yang berpegang dengan pemahaman semula wahyu terhadap kehidupan semasa berdasarkan paradigma liberalisme. Prinsip ini dan ciri-ciri lain dibina berasaskan kepada epistemologi Islam Liberal yang menjadikan akal sebagai sumber ilmu bagi mereka. Namun Ahli Sunnah wal Jama'ah aliran Asha'irah dan Maturidiyyah menolak metode Islam Liberal tersebut kerana mereka tidak memberikan kedudukan utama kepada al-Quran dan hadis. Memandangkan pemikiran liberal telah mempengaruhi umat Islam di Malaysia, maka ia mesti ditangani segera secara berkesan.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

## Rujukan

- [1] Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa. 2019. "Liberalisme dan Pemikiran Pemimpin Muslim di Malaysia." *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 41(2). Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [2] Ahmad Yumni Abu Bakar & Che Zarrina Sa'ari. 2019. *Islam Liberal: Kajian terhadap Sumber Epistemologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [3] al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. T.th. *Al-Farq Bayna al-Firaq*. Tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Qahirah: Dar al-Tala'i'.
- [4] al-Mahdali, al-Sayyid Muhammad 'Aqil ibn 'Ali. T.th. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Madkhal wa Dirasah*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- [5] al-Tayyib, Ahmad Muhammad. 2016. *Nazarat fi Fikr al-Imam al-Ash'ari*. Qahirah: Dar al-Quds al-'Arabi.
- [6] al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad ibn Muhammad al-Husaini. 1989. *It'haf al-Sadah al-Muttaqin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- [7] Azizan Baharudin. 2018. *Islam Liberalisasi: Isu, Ancaman, Cabaran dan Usaha Membendungnya - Pengalaman Malaysia*. Dibentang dalam Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) bagi MABIMS kali ke-43 dan Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali ke-18 pada 12 November 2018 di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- [8] Charles Kuzman. 1998. *Liberal Islam: A Sourcebook*. New York: Oxford University Press.
- [8] Dewan Bahasa dan Pustaka. 2015. *Kamus Dewan Edisi Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [9] Encyclopaedia Britannica, Inc. 1994. *The New Encyclopaedia Britannica*. Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc.
- [10] Fahmi Salim. 2010. *Kritik terhadap Studi al-Qur'an Kaum Liberal*. Jakarta: Perspektif Kelompok Gema Insani.
- [11] Guido de Ruggiero. 1959. *The History of European Liberalism*, terj. Robin George Collingwood. Dlm. [https://archive.org/stream/in.ernet.dli.2015.125166/2015.125166.The-History-Of-European-Liberalism\\_djvu.txt](https://archive.org/stream/in.ernet.dli.2015.125166/2015.125166.The-History-Of-European-Liberalism_djvu.txt)
- [12] Harold J. Laski. 1947. *The Rise of European Liberalism*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- [13] Imam Abdul Fattah Imam. 2000. "Epistemologi: Satu Perbincangan Awal," terj. Mohamad Kamil Abdul Majid, *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 1(1). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- [14] Khalif Muammar A. Harris. 2018. "Islam dan Liberalisme: Antara Masalah dan Mafsadah," *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(2). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- [15] Khalif Muammar. 2009. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM.
- [16] Leonard Trelawny Hobhouse. 1911. *Liberalism*. London: Williams and Norgate.
- [17] Lexico. (n.d.). Liberal. In Lexico.com. Dlm. <https://www.lexico.com/definition/liberal>
- [18] Mudasir Rosder. 1989. *Asas Tauhid: Pertumbuhan dan Huraianya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [19] Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. 2013. "Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah," *Jurnal Teknologi*, 63(1). Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- [20] Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. 2018. "Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Asha'irah dan al-Ash'ari: Satu Pengenalan," *Jurnal Penyelidikan Islam*, 30. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- [21] Muhammad Rashidi Wahab. 2017. "Ancaman Liberalisme di Malaysia," *Jurnal Penyelidikan Islam*, 29. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- [22] Muhammad Rashidi Wahab. 2018. *Ateisme: Satu Penelitian Awal*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- [23] Norsaleha Mohd Salleh, Noor Hafizah, Ahmad Munawar & Mohd Shairawi Mohd Noor. 2021. "Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia," *IJISTRA: International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(2). Bandar Baru Bangi: IRIS Institute.
- [24] Wan Adli Wan Ramli. 2014. "Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak," *Jurnal Usuluddin* 40. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.